

**Bil. 2**

**Selasa  
7 Mac 2017**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 7 Mac 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**TEKS TITAH SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada hari Isnin, 6 Mac 2017, Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Diraja Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Diraja itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah seperti di lampiran]*

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan sebelas Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016;
2. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016;
3. Akta Perbekalan 2017;
4. Akta Kewangan 2016;
5. Akta Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2017;
6. Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar)(Pindaan)2017;
7. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2016;

8. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2017;
9. Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017;
10. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 2017; dan
11. Akta Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016.

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Sila.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

*“tarikh*

#### **Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 2017;
2. Rang Undang-undang Kewangan 2016;
3. Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016;
4. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016;
5. Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016;
6. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016;
7. Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016;
8. Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016;
9. Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar)(Pindaan) 2016;
10. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016; dan
11. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2016

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”